



## APA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS TUNTUTAN DIFAILKAN?

- Writ Saman ini mempunyai tempoh sah iaitu selama 6 bulan dari tarikh pemfailan. Anda perlu seberapa segera menyerahkan Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan kepada Defendan.

### SEBELUM PERBICARAAN

- Tarikh pengurusan kes akan ditetapkan dari semasa ke semasa. Pihak-pihak (Plaintif dan Defendan) perlu menyediakan dan memfailkan Ikatan Pliiding [yang mengandungi Writ Saman, Pernyataan Tuntutan, Pernyataan Pembelaan dan Jawapan Kepada Pembelaan] dan Ikatan Dokumen [yang mengandungi dokumen sokongan kes dan akan diujuk semasa perbicaraan] di Mahkamah.

### SEMASA PERBICARAAN

- Plaintif mempunyai beban untuk membuktikan tuntutannya.
- Dalam perbicaraan, saksi-saksi Plaintif akan dipanggil memberi keterangan. Saksi-saksi ini akan disoal balas oleh Defendan dan

- kemudian disoal semula oleh Plaintif.
- Defendan akan turut memanggil saksi untuk menyangkal tuntutan Plaintif dan membuktikan pembelaannya.

- Setelah selesai mengemukakan saksi, pihak-pihak akan diarahkan untuk berhujah di akhir perbicaraan.

### SELEPAS PERBICARAAN

- Mahkamah akan menyampaikan keputusan di dalam mahkamah terbuka.
- Sekiranya Plaintif berjaya membuktikan tuntutan, penghakiman akan diberikan memihak kepada Plaintif.
- Sebaliknya, sekiranya Plaintif gagal membuktikan tuntutan, penghakiman akan diberikan memihak kepada Defendan.
- Mana-mana pihak yang tidak berpuashati dengan keputusan mahkamah boleh dalam tempoh 14 hari, memfailkan Notis Rayuan di pejabat pendaftaran Mahkamah yang menyampaikan keputusan.



[www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

# TUNTUTAN SIVIL DI MAHKAMAH



Untuk maklumat lanjut sila hubungi  
Bahagian Komunikasi Korporat dan Hubungan Antarabangsa,  
Mahkamah Persekutuan Malaysia, Arah 2, Fesnel 3, Stora Kehakiman,  
62506 Putrajaya, Malaysia.  
Tel: 603-8980 3500 Faks: 603 - 8880 4017  
[info@kehakiman.gov.my](mailto:info@kehakiman.gov.my)  
Pamflet ini boleh dimuat turun dari laman sesawang [www.kehakiman.gov.my](http://www.kehakiman.gov.my)

## APA ITU TUNTUTAN SIVIL?

➔ Tuntutan sivil merupakan pertikaian di antara dua (2) atau lebih pihak menuntut remedi / gantirugi / pampasan yang melibatkan isu perundangan dan fakta. Dalam tuntutan sivil, pihak yang menuntut dikenali sebagai Plaintiff, manakala pihak yang dituntut dikenali sebagai Defendan.

### APAKAH CONTOH TUNTUTAN SIVIL?

➔ Gantirugi kecederaan diri;  
➔ Kemalangan;  
➔ Pertikaian antara tuan tanah dan penyewa;  
➔ Perlanggaran kontrak;  
➔ Pinjaman bank (pinjaman sewa beli, pinjaman perumahan, pinjaman peribadi, kad kredit) dan pinjaman pendidikan.

### ADAKAH MAHKAMAH MEMPUNYAI HAD BIDANG KUASA?

➔ Tuntutan sivil di Mahkamah akan ditentukan oleh bidang kuasa Mahkamah. Secara umumnya, bidang kuasa Mahkamah adalah seperti berikut:

- (a) Mahkamah Majistret: Amaun tuntutan dari RM1 sehingga RM100,000;
- (b) Mahkamah Sesyen: Amaun tuntutan dari RM100,001 sehingga RM1,000,000;
- (c) Mahkamah Tinggi: Amaun tuntutan RM1,000,000 dan ke atas.

\*Tuntutan gantirugi melibatkan kemalangan jalan raya serta tuntutan berkaitan sewaan yang mana amaun tuntutan melebihi RM100,000 hendaklah diajukan di Mahkamah Sesyen kerana bidang kuasanya untuk mendengar dan memutuskan tuntutan ini adalah tanpa had.

### ADAKAH TERDAPAT SEBARANG HAD MASA UNTUK MEMFAILKAN TUNTUTAN?

➔ Pada asasnya, tuntutan sivil melabatkan hutang hendaklah difailkan dalam tempoh 3 tahun hutang menjadi kena dibayar jika tuntutan melibatkan agensi kerajaan manakala tempoh 6 tahun jika tuntutan yang tidak melibatkan agensi kerajaan.

➔ Tuntutan gantirugi akibat kemalangan yang melibatkan kematian hendaklah difailkan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh kemalangan, manakala yang melibatkan kecederaan dalam tempoh 6 tahun dari tarikh kemalangan.

➔ Sekiranya tuntutan gantirugi akibat kemalangan dibawa terhadap kerajaan sama ada melibatkan kematian atau kecederaan, tuntutan hendaklah difailkan dalam tempoh 3 tahun kemalangan berlaku.

### BOLEHKAH SAYA MEWAKILI DIRI SENDIRI DI DALAM TUNTUTAN SIVIL?

➔ Sama ada anda merupakan seorang Plaintiff mahupun Defendan, anda boleh mewakili diri sendiri di dalam tuntutan sivil.

➔ Sekiranya anda memilih untuk mewakili diri sendiri, anda harus mempertimbangkan tahap kerumitan, isu-isu khusus dan risiko dalam berhadapan dengan prosiding Mahkamah sepanjang masa kes berlangsung.

➔ Anda masih berpeluang untuk melantik peguam semasa kes sedang berjalan sekiranya mengalami kesukaran untuk mewakili diri sendiri.

➔ Anda perlu membiasakan diri dengan perundangan dan prosedur yang berkaitan dengan tuntutan.

➔ Anda perlu memastikan tempoh masa memfailkan dokumen dan menyerahkannya kepada pihak lawan sentiasa dipatuhi.

➔ Akhir sekali, anda perlu bersedia untuk perbicaraan penuh tuntutan.

### DI MANA SAYA BOLEH MEMFAILKAN TUNTUTAN SIVIL?

➔ Dokumen tuntutan sivil (Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan) perlu difailkan di pejabat pendaftaran Mahkamah. Pembayaran pemfailan dokumen pada amaun yang telah ditetapkan perlu dibuat bersama.

➔ Secara alternatif, dokumen tuntutan sivil yang telah disediakan boleh difailkan sendiri secara atas talian. Anda hanya perlu melayari laman sesawang <http://efiling.kehakiman.gov.my/efiling//> dan ikut arahan yang diberikan. Bayaran pemfailan dokumen juga boleh dibuat secara atas talian.